

Jenis Akhbar : Berita RTM

Tarikh : 18/06/2023

Edisi / Muka Surat : <https://berita.rtm.gov.my/>

Tajuk : Koperasi perlu bijak cari peluang hadapi cabaran ekonomi

Koperasi perlu bijak cari peluang hadapi cabaran ekonomi



KUALA TERENGGANU, 18 Jun-Cabaran ekonomi semasa menuntut sektor koperasi bagi beradaptasi dan menerokai peluang baharu dalam perniagaan yang berdaya saing.

Usaha tersebut perlu diperkuuh dan digerakkan secara kolektif bagi meluaskan impak positif koperasi serta menjamin peluang ekonomi kepada anggota dan komuniti setempat.

Demikian dinyatakan Presiden ANGKASA, Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah ketika merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi KOSPETA Malaysia Berhad Kali ke-41 bertempat di Hotel Paya Bunga, di sini hari ini.

Menurutnya, koperasi harus memastikan kestabilan ekonomi anggota melalui penyediaan pelbagai inisiatif termasuk bantuan kewangan, peluang latihan dan pembelajaran serta perkhidmatan sokongan yang relevan

"Sebagai anggota koperasi mahupun Anggota Lembaga Koperasi (ALK) hendaklah sebaik mungkin cuba memperbaiki kelemahan diri dan koperasi serta berusaha meningkatkan nilai tambah dalam berkoperasi.

"Perkara kritikal seperti masalah modal, keyakinan terhadap koperasi dan risiko perniagaan harus di ambil perhatian dan ditangani dengan bijak supaya kepentingan berkoperasi dapat memberikan pulangan serta manfaat kepada anggota koperasi," ujarnya.

Seramai 116 anggota daripada seluruh negara menghadirkan diri dalam mesyuarat berkenaan.

Turut hadir dalam mesyuarat tersebut ialah Timbalan Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Cawangan Wilayah Persekutuan, Encik Tan Boon Khin, Pengarah Pusat Antarabangsa dan Kolaborasi, Institut Koperasi Malaysia (IKma), Dr. Zurita Mohd Salleh, Pengerusi ANGKASA

Negeri Terengganu, Haji Mohamed Yusoff, Pengurus KOSPETA, Datuk Azih Muda serta barisan kepimpinan KOSPETA.

KOSPETA yang ditubuhkan pada 1982 dianggotai seramai 8,959 anggota yang terdiri daripada warga kerja Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Indah Water Konsortium (IWK), Alam Flora, Southern Waste Management (SWM) dan e-Idaman.



(FOTO RTM)